

11 OCT 1999

Mahathir-ekonomi

WARTAWAN AFRIKA MINTA NASIHAT DR MAHATHIR MENGENAI KRISIS KEWANGAN

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Kerana kagum dengan pemulihan ekonomi yang pantas dan tanpa bantuan asing di Malaysia, seorang wartawan Afrika ingin tahu rahsianya daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seperti biasa, perdana menteri menjelaskan mengenai "ramuan" yang telah menyelamatkan Malaysia daripada krisis ekonomi, lebih cepat daripada yang dijangkakan termasuk oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.

"Secara asasnya, Malaysia sentiasa cermat dalam pentadbiran kewangan dan ekonominya," kata Dr Mahathir kepada wartawan itu pada sidang berita bersama Presiden Guinea, Lansana Conte di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Wartawan itu adalah anggota rombongan media yang mengiringi Conte dalam lawatan lima hari ke Malaysia bermula semalam.

Dr Mahathir dan Conte sebelum itu menyaksikan majlis menandatangani empat perjanjian dan memorandum persefahaman antara Malaysia dan Guinea, sebuah negara di barat Afrika yang mempunyai tujuh juta penduduk.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak meminjam dengan banyak dari luar.

"Kerana itu, apabila nilai mata wang (ringgit) merosot, kami tidak perlu membayar pinjaman kepada bank asing atau negara asing," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah dapat mengekalkan wangnya.

"Dan kerana itu, kami bebas daripada berhutang kepada IMF.

"Ia memberi kami kebebasan untuk mengambil tindakan sendiri tanpa perlu mengikut arahan IMF," kata Dr Mahathir.

--BERNAMA

ES MAI